

PEMERKASAAN INSTRUMEN PENDEKATAN KAEDAH NEOTERIK DALAM PEMBELAJARAN PENDIDIKAN MORAL TAHAP 1 BAGI MEMBENTUK GENERASI KALIS MASA DEPAN

Muhammad Aidid Aqli bin Mohd Aini¹

Abu Zarrin bin Selamat²

Nurul A'fiffa binti Che Malek³

Nur Suhailah binti Mohammad⁴

aididmohdaine@gmail.com¹

Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan adalah untuk meneliti elemen-elemen yang boleh digunakan dalam usaha untuk memperkasakan instrumen kurikulum pendekatan Neoterik terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral tahap 1 ke arah menghasilkan generasi kalis masa depan. Kajian ini akan menggunakan metodologi penyelidikan kuantitatif di mana data diperolehi dengan menggunakan teknik Delphi dalam usaha untuk menguji dan mengesahkan instrumen yang menjadi objektif kajian. Terdapat lima kluster yang dipilih oleh pengkaji untuk memperkasakan instrumen pendekatan Neoterik Pendidikan Moral Tahap 1 ini iaitu Kluster Pakar Pendidikan Moral, Kluster Pakar Kurikulum, Kluster Pakar Konten Neoterik, Kluster Pakar Metodologi dan Kluster Pakar PdPc. Kajian ini diharapkan dapat memperkasakan instrumen pendekatan kaedah Neoterik ini ke arah lebih baik bagi melahirkan generasi yang kalis masa depan.

Kata kunci: Pendidikan Moral, kurikulum pendekatan Neoterik, Instrumen

1.0 PENDAHULUAN

Pendidikan merupakan suatu usaha yang berkekalan untuk mengetengahkan potensi manusia secara menyeluruh terhadap aspek-aspek rohani, jasmani dan aqli (Fuad et al. 2014). Matlamat pendidikan negara adalah untuk mencapai kedudukan satu pertiga teratas dalam kalangan negara yang mempunyai sistem pendidikan terbaik di dunia (Kementerian Pendidikan Malaysia 2016). Untuk merealisasikan hasrat ini, seseorang guru bukan sekadar menjadikan profesion pekerjaan mereka sebagai tempat makan gaji sahaja, malah mereka bertanggungjawab untuk mendidik dan membentuk anak muridnya menjadi insan yang berguna dan secara tidak langsung ia juga berperanan sebagai agen perubahan dalam dunia pendidikan yang sifatnya dinamik. Peranan guru sebagai agen perubahan boleh dibentuk melalui fungsinya sebagai wadah penyampai ilmu, pencorak minda dan pembentuk sahsiah (Noornajihan & Halim, 2013).

Pembentukan Kurikulum Pendidikan Moral bertujuan untuk mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral dan berakhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Mata pelajaran ini diharap dapat menghasilkan murid yang berpengetahuan, berperwatakan mulia, dan mengutamakan

perpaduan serta bersemangat patriotik ke arah menyumbang secara produktif terhadap diri, keluarga, masyarakat, negara dan dunia.

Melalui Kertas Konsep Pembangunan Sekolah UPSI 2020-2025, Akademi Pendidikan/Sekolah Makmal mempunyai dua agenda untuk direalisasikan iaitu Pengintegrasian Kurikulum Pendekatan Neoterik dan Pengupayaan Kurikulum Pendekatan Neoterik. Matlamat Kurikulum Pendekatan Neoterik adalah untuk melahirkan 'Murid Madani' yang maju dan seimbang dari segi intelek, rohani, jasmani, emosi, dan sosial yang mempunyai kompetensi dalam pelbagai literasi, budaya, daya belajar sepanjang hayat, dan berperibadi mulia (AP/SM 2020). Murid Madani yang dihasilkan ini berupaya menyumbang kepada kemakmuran dan kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat, negara, dan global, serta mampu mendepani cabaran masa depan (AP/SM 2020). Selain itu, agenda ini juga dibuat kerana untuk melahirkan generasi yang kalis masa depan di mana murid-murid yang dihasilkan daripada program ini akan mempunyai jati diri yang mapan dan tidak terpengaruh dengan anasir-anasir buruk pada masa hadapan (AP/SM 2020).

Penghasilan instrumen yang berkesan secara umumnya dapat membantu matlamat murni pendidikan moral ini tercapai. Untuk menghasilkan instrumen yang berkesan, peranan guru amatlah penting dalam hal ini. Namun, tugas sebagai seorang guru dan pentaksir bukanlah satu tugas yang ringan kerana untuk melaksanakan tanggungjawab ini, seseorang guru itu harus mempunyai pengetahuan yang mendalam dan luas terhadap bidang kepakaran mereka (Lane et al. 2015).

Tiga elemen yang membentuk hasil pengajaran dan pembelajaran yang optimum iaitu sesi pengajaran yang dilaksanakan oleh guru, pentaksiran yang dilaksanakan terhadap murid, dan proses belajar murid itu sendiri (Faizal et al 2014). Popham (2007) menyatakan definisi pengujian, pengukuran dan pentaksiran saling berkait rapat dan digunakan secara bersilih ganti. Menurut Mohamad Najib (2011) pula, pembangunan instrumen yang baik perlu mempunyai ciri keobjektifan, kesahan, kebolehpercayaan dan kepenggunaan.

Dalam hal ini, pembangunan kurikulum pendidikan neoterik lebih memfokuskan kepada penilaian formatif di mana ia memfokuskan kepada lima aspek iaitu mengukuhkan kemenjadian pelajar, mengukuhkan kemahiran pelajar, pelaksanaan sistem pentaksiran yang tidak memfokuskan penilain sumatif semata-mata, kreativiti guru ketika sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dan keterlibatan ibu bapa dalam membantu perkembangan pendidikan untuk anak-anak.

Contoh kaedah pendekatan Neoterik dalam sesi pembelajaran ini ialah ia memfokuskan kepada kemahiran insaniah dalam sesuatu pelajaran itu. Sebagai contoh, Padraig et al. (2010) menyatakan skil 'pembuktian' dan 'kesalahan' merupakan antara elemen dalam pendekatan neoterik di mana ia memberi contoh sesuatu keadaan yang mana pelajar teroka sendiri keadaan suatu enjin kereta tanpa melihat demonstrasi daripada guru terbabit. Tambahan pula, Madina et. al (2020) pula menyatakan salah satu kompetensi untuk meningkatkan kemahiran insaniah ialah kemampuan belajar sepanjang hayat, sesuai dengan formula "pendidikan melalui kehidupan".

Kanak-kanak merupakan generasi yang perlu dididik dengan ilmu-ilmu keagamaan dan kerohanian yang secukupnya kerana mereka merupakan bakal pemimpin di masa depan. Kehidupan seharian murid yang dilaksanakan melalui penerapan amalan akhlak dan nilai terpuji amat dituntut agar dapat membina sahsiah diri yang berkualiti di samping faktor keluarga, rakan-rakan dan guru-guru yang sentiasa mempengaruhi tindak-tanduk pelajar tersebut (Baharom et. al 2008). Namun, sejak mutakhir ini, kadar kenaikan masalah sosial dalam kalangan remaja adalah sangat menggerunkan dengan jumlah angka yang begitu besar seperti yang dilaporkan Kementerian Kesihatan (2016) dari tahun 2012 hingga 2016, sebanyak 79,302 kes remaja perempuan hamil bawah 18 tahun telah direkodkan. Umum mengetahui, remaja yang terlibat dengan masalah sosial ini semuanya pernah melalui zaman kanak-kanak,

di mana zaman kanak-kanak ialah zaman yang kritikal untuk mereka dibentuk. Dalam hal ini, peranan keluarga sangat penting dalam mendidik golongan remaja ini supaya tidak terjebak dengan masalah sosial (Hashim et.al 2008). Perkara utama yang perlu diambil kira ialah pendidikan agama dan moral. Ibu bapa berperanan untuk mendidik anak dengan pengetahuan agama dan moral yang cukup dan sentiasa menunjukkan moral yang baik terhadap anak mereka. Selain itu, Mitchell et.al (1989) menyatakan bahawa ajaran agama boleh dijadikan pelita ataupun tunjangan moral dalam diri remaja agar mereka dapat berfikir sebelum melakukan sesuatu perkara yang tidak bermoral.

Berdasarkan kepada beberapa kajian lepas, dapat dilihat pentaksiran berasaskan sekolah menghalang guru untuk memperkasakan sesuatu instrumen dengan lebih baik. Selain itu, bebanan kerja yang banyak menyebabkan masa untuk membuat instrumen yang berkesan untuk pentaksiran menjadi kurang dan seterusnya perkara ini mendorong kepada pentaksiran yang lebih memfokuskan produk dan bukannya sebagai suatu proses (Tan, 2010).

1.1 PENYATAAN MASALAH

Generasi yang berumur di antara 7 hingga 10 tahun merupakan generasi yang paling mudah dibentuk kerana mereka masih di peringkat kanak-kanak lagi. Bak kata pepatah ‘melentur buluh biarlah dari rebungunya’. Namun, segelintir remaja pada hari seolah-olah tersasar daripada landasan moral yang sebenar.

Kajian yang dibuat oleh Zur (2014) menunjukkan secara purata apabila kanak-kanak telah mencapai umur 12 tahun, rata-rata di antara mereka telah menyaksikan puluhan ribu tindakan keganasan (acts of violence) di televisyen dan permainan video dan secara tidak langsung keganasan pada televisyen dan permainan video ini dapat mempengaruhi tingkah laku dan sikap dalam kalangan kanak-kanak yang menontonnya. Menurut Shaar et.al (2015) pula dalam kajiannya menunjukkan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja disebabkan tahap kecerdasan emosi dan tahap kecerdasan spiritual remaja tersebut rendah.

Selain itu, ibu bapa yang terlalu sibuk bekerja turut menyumbang kepada tingkah laku tidak bermoral yang dilakukan oleh anak mereka. Menurut Selvaratnam, Nor Aini & Norlaila (2010), faktor modenisasi dan kesibukan menjana kewangan keluarga menjejaskan hubungan kekeluargaan. Anak-anak tidak mendapat perhatian yang secukupnya melakukan perkara yang tidak terkawal di luar rumah kerana ibu bapa mereka sibuk bekerja dan tidak mengambil berat perihal mereka. Perkara ini boleh mendatangkan masalah sosial yang kronik dalam kalangan remaja seperti hamil anak luar nikah. Dalam kajian yang dilakukan oleh Khadijah Alavi et.al (2012), hasil temu bual dengan remaja hamil luar nikah menunjukkan bahawa mereka tidak mendapat perhatian dan kasih sayang akibat ibu bapa sibuk dengan tugas harian. Selain itu, sifat inkuiri atau perasaan ingin tahu dalam diri murid untuk mencuba sesuatu yang baru agak tinggi. Perkara ini dibuktikan dengan penjelasan daripada Zainal dan Sharani (2006) yang menyatakan bahawa perasaan ingin tahu yang wujud dalam diri seseorang remaja akan mendorong mereka melakukan apa sahaja tanpa memikirkan implikasi sama ada baik atau buruknya perkara-perkara tersebut.

Bermula tahun 2018, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) akan memfokuskan untuk melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah yang akan dilakukan sepenuhnya terhadap murid-murid Tahap 1 sekolah rendah. Pentaksiran dalam pendidikan ialah suatu proses mendapatkan maklumat yang diperolehi dan merumuskan hasil sesuatu proses pembelajaran (Rashidah, 2008). Namun, terdapat sebilangan guru yang buntu dan masih belum bersedia dalam melaksanakan PBD ini. Kebanyakan guru tidak bersedia dengan tugas pentaksiran alternatif yang hanya menambahkan tugas guru walaupun guru telah diberi latihan dan kursus, namun sebilangan guru masih lagi tidak yakin untuk melaksanakannya (Haidzir & Norasmah 2019). Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Azahar (2006), mendapati bahawa tempoh masa

pengajaran yang terlalu pendek ketika PdPc menghalang sesuatu proses pembelajaran itu sehingga guru tidak sempat menjalankan aktiviti pentaksiran.

Seperti di banyak negara Asia, penilaian dan peperiksaan dianggap sangat penting di Malaysia (Wahid et.al 2011). Selalunya, keputusan peperiksaan awam diambil sebagai indikator tahap kecemerlangan seseorang murid. Namun, terlalu banyak penekanan pada penilaian dan peperiksaan boleh mengekang kurikulum yang dilaksanakan dan menghasilkan keputusan yang tidak diinginkan. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Lucy (2007), beliau mendapati bahawa kebanyakan anak murid beliau menganggap subjek English for Science and Technology (EST) sebagai subjek peperiksaan, di mana murid-murid ini mempelajari subjek EST demi lulus dalam peperiksaan semata-mata. Selain itu, Kirkpatrick dan Yuebing (2011) menyatakan pendidikan berpusatkan peperiksaan menyebabkan tekanan yang melampau bagi murid kerana ujian dianggap sebagai kaedah untuk membuktikan kemampuan mereka bagi bersaing untuk berebut tempat ke pengajian tinggi. Perkara ini telah menyebabkan ia kadangkala menindas kualiti diri seseorang individu untuk menonjolkan kualiti ke tahap yang maksimum.

Kemenjadian murid dalam sesuatu proses kehidupan merupakan indikator bagaimana murid itu berjaya menjadi seorang insan yang berjaya. Kemenjadian murid dapat dicapai sekiranya semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung berganding bahu dan memahami dengan jelas apakah tujuan utama mereka terhadap sistem pendidikan yang mereka berikan. Namun sebaliknya berlaku di negara Korea Selatan apabila dinyatakan oleh Kim (2006) bahawa sistem pendidikan bergantung kepada kekuatan ekonomi ibu bapa. Ini melanggar hak pelajar yang lemah untuk mendapat persamaan pendidikan, kerana sesiapa yang mempunyai wang mempunyai peluang untuk menerima pendidikan berkualiti tinggi, seterusnya akan menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi. Perkara ini menyebabkan jurang sosial antara pelajar kaya dan miskin akan menjauh dan pelajar yang miskin akan ketinggalan dalam pelajaran.

Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengkaji elemen yang yang boleh memantapkan dan memperkasakan instrumen kurikulum pendekatan Neoterik dalam pembelajaran Pendidikan Moral tahap 1 bagi membentuk generasi kalis masa depan.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif Kajian bagi penyelidikan ini seperti berikut:

- a) Untuk mengkaji elemen-elemen yang boleh memperkasakan instrumen kurikulum pendekatan neoterik dalam pendidikan moral tahap 1.
- b) Untuk membina instrumen pendidikan moral berdasarkan pendekatan neoterik bagi murid tahap 1.
- c) Untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen pendekatan neoterik dalam pendidikan moral tahap 1.

1.3 SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian ini dibuat untuk memperkasakan instrumen kurikulum pendekatan Neoterik dalam pembelajaran pendidikan moral tahap 1 bagi membentuk generasi kalis masa depan di mana generasi pada masa depan ini akan menjadi generasi yang mapan dan tidak akan terpengaruh dengan perkara-perkara yang boleh merosakkan kemenjadian mereka. Umum mengetahui, instrumen dalam menjalankan pembelajaran Pendidikan Moral merupakan perkara yang penting dan perlu dititikberatkan.

Seterusnya, kajian ini dapat memberikan impak yang positif kepada dunia pendidikan. Misalnya, apabila pemerksaan instrumen pendekatan dalam kaedah Pendidikan Moral ini

diperkasakan, secara tidak langsung kemenjadian murid dalam membentuk generasi yang mapan dan kalis masa depan akan terhasil dengan jayanya.

Kesimpulannya, kajian ini diharapkan dapat menyumbang atau sebagai garis panduan dalam memperkasakan instrumen pendekatan kaedah Neoterik dalam Pendidikan Moral tahap satu supaya impian untuk menghasilkan generasi yang mapan dan kalis masa depan dapat direalisasikan.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian merupakan teknik dan kaedah tertentu bagi memperoleh maklumat yang bertujuan menyelesaikan masalah serta membincangkan bagaimana untuk mencapai objektif yang diketengahkan (Majid 2005). Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan metodologi reka bentuk yang bertunjangan Teknik Delphi.

Kajian ini adalah untuk membina dan memperkasa instrumen penilaian murid dengan menggunakan kaedah pendekatan neoterik terhadap pembelajaran pendidikan moral. Kajian ini melibatkan proses dalam keadaan tiga fasa, iaitu sorotan literatur, pembinaan instrumen untuk memperkasakan kaedah neoterik dalam pendidikan moral dan penentuan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen dalam pembinaan item instrumen.

2.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan perkara yang penting ketika melaksanakan sesuatu kajian. Reka bentuk kajian merupakan teknik dan kaedah tertentu bagi memperoleh maklumat yang bertujuan menyelesaikan masalah serta membincangkan bagaimana untuk mencapai objektif yang diketengahkan (Majid 2005).

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan metodologi reka bentuk yang bertunjangan Teknik Delphi. Saedah Siraj (2008) menyatakan Teknik Delphi membolehkan pakar-pakar yang dilantik bersifat lebih kreatif untuk mengeluarkan idea dan pandangan mereka ke atas sesuatu isu atau persoalan yang ditimbulkan. Dalam teknik ini, pakar-pakar tidak akan dilibatkan dalam perbincangan terbuka disebabkan untuk mengelakkan tidak berlakunya risiko di mana pendapat-pendapat seseorang individu itu dipengaruhi oleh individu yang lebih dominan atau lebih berpengalaman.

2.2 Saiz Pakar

Menurut Dalkey (1972), pakar ialah orang yang mempunyai pengalaman yang luas dalam sesuatu bidang yang mereka mahir. Dalam kajian ini, pengkaji akan mensasarkan lima kluster pakar yang terdiri daripada kepakaran masing-masing iaitu pakar pendidikan moral, pakar kurikulum, pakar konten neoterik, pakar metodologi dan pakar PdPc. Disebabkan hal itu, penyelidik akan merujuk kepada Jabatan Pelajaran Perak (JPP) bagi menentukan panel pakar Pendidikan Moral, pakar Kurikulum, pakar metodologi dan pakar PdPc dalam kalangan ahli yang dikenali reputasi mereka sebagai pakar. Untuk pakar Konten Neoterik pula, penyelidik akan merujuk Sekolah Makmal UPSI bagi menentukan panel pakar ini. Kesemua pemilihan ini amat bertepatan dan bersesuaian dan seterusnya akan membantu pengkaji mendapat kerjasama yang amat baik dalam kalangan panel pakar tersebut kerana mereka telah mendapat pengiktirafan dari pihak atasan terutamanya dari pihak JPN dan Sekolah Makmal UPSI. Norasmah et al. (2006) menyatakan bahawa jumlah yang melebihi bilangan sampel minimum bagi sesuatu kajian adalah perlu bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya soal selidik yang dikembalikan adalah tidak lengkap atau rosak. Oleh yang demikian, pengkaji telah melebihi soal selidik dan menambahkan jumlah pakar dalam kajian ini.

2.3 Kaedah Pengumpulan Data

Penyelidikan ini juga turut menggunakan kajian perpustakaan sebagai salah satu alternatif oleh pengkaji untuk melakukan kajian di mana ia bertujuan untuk mencari dan mengumpul bahan serta maklumat berkaitan kajian. Antara perpustakaan yang dikunjungi oleh pengkaji untuk melakukan kajian ini ialah Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan Perpustakaan Negara .

3.0 KESIMPULAN

Kajian sebegini diharapkan dapat membantu menyerlahkan potensi yang ada pada murid pendidikan moral tahap 1 supaya mereka menyerlahkan kualiti diri ke tahap maksimum. Selain itu, pemerksaan instrumen ini sangat penting dalam memperkasakan sesuatu mata pelajaran ke arah yang lebih baik. Jika pemerksaan sesuatu mata pelajaran itu baik, maka baiklah kemenjadian seseorang murid itu. Oleh itu, jika kajian ini berjaya dilaksanakan, diharapkan ianya dapat melahirkan generasi yang kalis masa depan yang dapat menangkis anasir-anasir yang boleh menghalang kemenjadian murid tersebut.

4.0 RUJUKAN

- Baharom Mohamad, Ali Suradin, Za'aba Helmi Khamisan (2008). Peranan Pendidikan Islam Dan Pendidikan Moral Dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008 Universiti Teknologi Malaysia, 22-23 Oktober 2008.
- Baharuddin Aris, Rio Sumarni Shariffudin & Manimegalai Subramaniam. (2002). Reka bentuk perisian multimedia (1st ed.). Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. Cabaran. Dalam Seminar Kaunseling Keluarga di Johor Bahru, Malaysia
- Dalkey, N. C., & Rourke, D. L. (1972). Experimental assessment of Delphi procedures with group value judgments. In N. C. Dalkey, D. L. Rourke, R. Lewis, & D. Snyder (Eds.). *Studies in the quality of life: Delphi and decision-making* (pp. 55-83). Lexington, MA: Lexington Books.
- Hashim, B. et al. (2008). "Keruntuhan Akhlak dan Gejala Sosial dalam Keluarga: Isu dan Cabaran". Kertas kerja dibenteng dalam Seminar Kaunseling Keluarga di Johor Bahru, Malaysia, pada tarikh 30 Ogos.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan. Kuala Lumpur
- Kim Bok-Rae. The Problem Of Entrance Exam-Oriented Education And Its Solution Plans In Korea. Third Asia Pacific Conference on Advanced Research (APCAR, Melbourne, July, (2016) ISBN: 978 0 994365620. Andong National University, South Korea
- Kirkpatrick, R., Zang, Y. The Negative Influences of Exam-Oriented Education on Chinese High School Students: Backwash from Classroom to Child. *Language Testing in Asia* 1, 36 (2011).
- Lane, K. L., Oakes, W. P., Powers, L., Diebold, T., Germer, K., Common, E. A., & Brunsting, N. (2015). Improving teachers' knowledge of functional assessment-based interventions: Outcomes of a professional development series. *Education and Treatment of Children*, 38(1), 93-120
- Lucy Chuo Mee Hong. (2007). Breaking Away From Exam-Oriented Mentality Through Presentations in EST Lessons. Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang Tahun 2007.

- M. Pdraig M. M. McLoughlin, Ph.D. (2010). Department of Mathematics, Kutztown University of Pennsylvania Kutztown, Pennsylvania 19530 mcloughl@kutztown.edu Aspects of a Neoteric Approach to Advance Students' Ability to Conjecture, Prove, or Disprove
- Madina Ganikhanova, Umida Saydikramova, Nilufar Khamraeva. (2020). Features Neoteric Of Teaching Foreign Languages Making Use Of Hi-Tech Technologies For Students Of Polytechnic Higher Education Establishments In The Republic Of Uzbekistan. International Journal Of Scientific & Technology Research Volume 9, Issue 04, April 2020
- Mitchelle et al. (1989). "Keyboarding A Mastery Approach Comprehensive"
- Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah, Mohd Sahandri Gani Hamzah, Che Nidzam Che Ahmad, Mazlini Adnan, Noraini Mohamed Noh, Shafini Suhaimi & Lajiman Janoory. (2014). An instrument to assess secondary school mathematics teachers' assessment practices in Malaysia. Journal of Teaching and Education, 03(03), 483 – 492.
- Mohd Haidzir Yusof@Jusoh & Norasmah Othman. Isu Dan Permasalahan Pentaksiran Alternatif Dalam Sistem Penilaian Di Malaysia. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (2019), 24-25 April 2019 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. eISBN:978-967-2122-71-5.
- Mohd. Majid Konting. (2005). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norasmah Othman, et al. (2006). Masalah profesionalisme guru Novis. Dlm. Norasmah Othman, Zamri Mahamod & Mohammed Sani Ibrahim (pnyt). Kesediaan Profesionalisme Guru Novis: Cadangan Modul Latihan. hlm. 139-171. Bangi: Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri. (2013). Hubungan Antara Efikasi Kendiri Dengan Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia. Journal of Islamic and Arabic Education 5(1), 2013 41-60.
- Othman Thalib. (2013). Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Popham, W. J. (2007). Classroom assessment what teachers need to know, (5th ed.). Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Saedah Siraj (2008). Kurikulum masa depan. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Mohd Kamal Din@Nasirudin,& Rekkeman Kusut. (2014). Tahap Pelaksanaan Pendekatan, Strategi, Kaedah Dan Teknik Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Latihan Mengajar Menurut Persepsi Guru-Guru Pelatih Fakulti Pendidikan Kuis: Satu Tinjauan Awal. Jurnal Pendidikan Bil 1 (2) 2014.
- Sar, Norul & Mohamad, Mohd Suhaimi & Ibrahim, Fauziah & Alavi, Khadijah & Nen, Salina & Hoesni, Suzana & Rahman, Zaizul & Azreena, J (2012). Hamil luar nikah: memahami remaja sebagai asas intervensi keluarga.
- Selvaratnam, D., Nor Aini & Norlaila. (2010). Warga emas di Malaysia: ke arah kesejahteraan ekonomi dan sosial. Bangi: Penerbit UKM.
- Shaar. 2014. Pengaruh kecerdasan emosi (EQ) dan kecerdasan spiritual (SQ) ke atas tingkah laku agresif pelajar. Prosiding. International Social Development Conference 2014 (ISDC 2014). Bayview Hotel Langkawi, Malaysia. 12-13 August
- Syed Mansor. (2008). Keruntuhan Akhlak dan Gejala Sosial dalam Keluarga: Isu dan
- Tan, A.M. (2010). SBA di Malaysia: Kesediaan Guru, Isu, dan Panduan Perlaksanaan. Kuala Lumpur: Gerak Budaya Enterprise.
- Wahid, Nurul & Hamid, Hazlina & Low, Stephanie & Mohd Ashhari, Zariyawati. (2011). Malaysian Education System Reform: Educationists Perspectives.

- Zainal Madon & Mohd Sharani Ahmad. (2004). Panduan Mengurus Remaja Moden. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Zur, O. (2014). Teen Violence, School Shootings, Cyberbullying, Internet Addiction, T.V. and gaming Violence & Teen Suicide: Facts, Ideas, And Actions. Online Publication by Zur Institute. Retrieved month/day/year from <http://zurinstitute.com/teenviolence.html>.